

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]**

**TARIKH : 26 JULAI 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 15**

**Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan projek pembinaan lapangan terbang di Seri Iskandar seperti yang dirancang oleh Kerajaan sebelum ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil maklum akan permohonan cadangan pembangunan Gerbang Cempaka Sari oleh Kerajaan Negeri Perak yang mana turut merangkumi cadangan untuk membina sebuah lapangan terbang baharu di Seri Iskandar bagi menggantikan lapangan terbang sedia ada. Satu kajian telah dilaksanakan oleh pemaju Seri Iskandar yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak komprehensif. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri perlu mengemukakan semula cadangan yang lebih lengkap sekiranya Kerajaan Negeri berminat untuk meneruskan permohonan bagi pembinaan sebuah lapangan terbang baharu di Seri Iskandar, Perak.